

## Iskandar Puteri

**K**erajaan negeri komited dalam usaha menggalakkan semua organisasi serta agensi awam di negeri ini menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) bagi mewujudkan Johor yang bersih serta bebas rasuah.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, bagi memastikan setiap penjawat awam lebih bertanggungjawab serta bebas rasuah, mereka perlu memberi penekanan kepada soal integriti.

“IBR yang diperkenalkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dapat memastikan setiap penjawat awam lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas mereka serta menjauhkan diri daripada rasuah selama memegang jawatan dalam kerajaan.

“Setiap penjawat awam mesti paling amanah, boleh dipercayai dan kukuh peribadinya,” katanya pada sidang media selepas merasmikan I-MOVE Kerajaan Jo-



*MOHAMED Khaled (dua dari kanan) menyampaikan Pelan Pertumbuhan Strategik kepada pegawai Daerah Johor Bahru, Fuad Radzuan.*

# Mesti paling amanah

## ■ Kerajaan negeri mahu penjawat awam bebas rasuah

hor di Studio Pinewood Iskandar Malaysia di sini, semalam.

Turut hadir Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Azmi Rohani dan EXCO.

Pada majlis itu, Mohamed Khaled turut menyaksikan

majlis menandatangani beberapa perjanjian persefahaman (MoU) antara kerajaan negeri bersama SPRM, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Institut Tadbiran Awam

Negara (INTAN).

Katanya, perlu bagi kerajaan negeri mencari jalan untuk memastikan hanya mereka yang amanah berada dalam sistem di negeri ini manakala yang curang tidak layak memegang amanah

bangsa dan negara.

Berkaitan MoU itu, Mohamed Khaled berkata, kerjasama dibuat adalah bagi membolehkan lebih ramai penjawat awam di negeri ini melanjutkan pengajian dalam bidang profesional.

“Lebih-lebih lagi dalam suasana kepesatan pembangunan hari ini, sudah sewajarnya penjawat awam meningkatkan ilmu pengetahuan supaya seiring perkembangan iklim dan permintaan semasa.

“Saya amat mengharapkan supaya proses peningkatan ilmu dalam kalangan penjawat awam di negeri ini berterusan dan kerajaan negeri sentiasa memberi sokongan serta menyediakan peruntukan khas kepada program latihan khusus,” katanya.

Dalam perkembangan lain, Mohamed Khaled berkata, tindakan pembangkang yang mahu mengekalkan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) sekiranya mentadbir negara pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) dilihat sebagai kenyataan yang tidak konsisten.

Beliau berkata, kenyataan itu membuktikan bahawa pakatan pembangkang tidak konsisten dalam pelbagai perkara.

“Ini bukan satu keputusan yang mengejutkan kerana kita sudah tahu sikap pembangkang yang tidak konsisten dalam pelbagai perkara, malah pembangkang ini juga suka membawa banyak persepsi,” katanya.